



SUMBANGAN DANA PILIHANRAYA PAS
Sejahtera Bersama Islam

اونديله فاس 请投选 PAS
UNDILAH PAS PAS FOR ALL

BANK ISLAM 1402 301000 0885
PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)

Maybank 5640 7061 2349
TABUNG DANA PILIHANRAYA

CIMB BANK 8600 01 3600
TABUNG DANA PILIHANRAYA

Hubungi: SUK PAS Pascat 019-2725604

DERITA RAKYAT

PAS cadang penyelesaian kos hidup, pengangguran

KOS SARA HIDUP

“Tajuk kos sara hidup menjadi perbincangan hangat hari ini, khususnya apabila sangat membebankan kehidupan rakyat sehingga pendapatan tidak mampu menanggung perbelanjaan hidup seharian. Kalaulah yang berpendapatan sederhana yang besar jumlahnya mengeluh, apatah lagi kalangan berpendapatan rendah yang sangat besar juga jumlahnya, penganggur dan golongan kurang upaya. Ia tidak mengira yang bergaji atau berkerja sendiri juga menghadapi bebanan yang sama.

“Lebih malang kalangan penduduk bandar dan pinggir bandar. Semakin besar bandar yang dinaik taraf khususnya apabila disebut Bandar Raya, semakin berat bebanannya. Petani dan nelayan pula menghadapi peniaga dan penyangak yang juga membebankan kos sara hidup bagi mendapat keperluan yang bukan kerjanya.”

- DATO' SERI TUAN GURU
ABDUL HADI AWANG
Presiden PAS

ATASI MASALAH PENGANGGURAN

“Isu pengangguran terus menghantui kehidupan manusia sepanjang zaman, termasuk di negara yang dikatakan paling maju, apatah lagi negara miskin atau sedang membangun. Perbezaannya banyak atau sedikit sahaja, namun sukar dihapuskan.

“Apabila Allah telah menetapkan dasar secara naluri dan pilihan di dalam al-Quran, nyatalah bahawa kesilapannya adalah manusia sendiri. Walaupun mereka mendabik dada dan mengaku pandai, pakar, bijak, bertamadun dan maju jaya, namun terus berlakunya masalah tiada peluang pekerjaan, pengangguran dan kos sara hidup yang terhimpit.”

ULASAN LANJUT
DI F3

SAHAM AKHIRAT

DANA PEMBIAYAAN KOS GUAMAN & KEBAJIKAN
UNTUK USTAZ ADIB

HULURKAN SUMBANGAN KEWANGAN TERUS KE AKAUN BANK ISLAM:

14210020129904
ATAS NAMA MUHAMMAD ADIB BIN ABD. HALIM



HUBUNGI TALIAN:
014- 5073438
SETELAH SEBARANG
TRANSAKSI DIBUAT.



Barangan keperluan naik.

Bebanan kos sara hidup

PENINGKATAN kos sara hidup disebabkan oleh beberapa perkara termasuk kenaikan harga barang dan inflasi. Kadar inflasi semasa (Dec 2017) meningkat 1.7% kepada 3.5% berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. PAS melalui Dokumen Hijau telah menggariskan solusi kepada permasalahan utama dalam menangani kenaikan kos

sara hidup.

1. Kejatuhan mata wang ringgit memberi kesan kepada perbelanjaan individu dan rakyat. Malaysia perlu mengurangkan kebergantungan kepada negara luar dan membangunkan industri tertentu khasnya yang berkaitan dengan menyediakan keperluan asas untuk rakyat.



Kos sara hidup tinggi di Malaysia.

Perkara ini supaya barang import dapat digantikan dengan barangan tempatan dengan kos yang lebih rendah. Sebagai contoh di Kelantan, Kerajaan PAS telah membangunkan dan memberi bantuan kepada rakyat dalam membangunkan sektor pertanian, penternakan dan perikanan di negeri itu yang secara tidak langsung dapat mengurangkan kebergantungan kepada bahan import.

2. GST juga turut memberikan kesan negatif kepada

perbelanjaan harian seseorang dan mengurangkan pendapatan boleh belanja (*disposable income*). Ia merupakan sistem cukai yang zalim dan tidak adil kerana mengutip cukai kepada setiap orang yang berbelanja termasuk golongan yang tidak berkemampuan. PAS berpendirian bahawa GST perlu dimansuhkan dan mencadangkan supaya digantikan dengan (i) Cukai Atas Simpanan Korporat, (ii) Cukai Perdagangan Keuntungan Saham; yang lebih sesuai dan praktikal.

Kerajaan PAS telah membangunkan dan memberi bantuan kepada rakyat dalam membangunkan sektor pertanian, penternakan dan perikanan di negeri itu yang secara tidak langsung

Harga rumah terlalu mahal

Berdasarkan statistik, pemaju lebih cenderung untuk membina rumah yang bukan dalam kategori mampu milik. 83% daripada jumlah unit rumah yang tidak terjual pada tahun 2017 berharga RM250,000 dan ke atas. Jumlah ini meningkat melebihi dua kali ganda dalam masa 3 tahun:

2015 - 10,163 unit
2016 - 14,792 unit
2017 - 20,876 unit

Dalam masa yang sama, peningkatan harga rumah yang mendadak di Malaysia telah berlaku sejak tahun 2012 melampaui batas dalam paras pendapatan.

PAS melalui Dokumen Hijau tampil dengan dua idea utama untuk menangani isu pemilikan rumah:

1. Kaedah Musyarakah:

Perkongsian Pemilikan bersama Kerajaan dengan Pembayaran Bertanggung

- Menyelesaikan masalah kekurangan wang pendahuluan pembelian rumah
- Bantuan dari kerajaan berdasarkan kemampuan pemohon

2. Kaedah Sukuk Al-Ijarah:

Perkongsian Pemilikan dengan Individu atau Organisasi



Harga rumah naik mendadak.

- Skim pemilikan berperingkat
- Diuruskan oleh kerajaan atau bank komersial
- Pelabur membeli sukuk dan berkongsi pemilikan bersama pembeli
- Dapat mengatasi masalah spekulasi harga rumah

PAS juga telah membuktikan kemampuannya untuk mengurangkan masalah pemilikan rumah dan mengurangkan bebanan rakyat ni negeri yang ditadbir PAS melalui beberapa program pemilikan rumah termasuk di Kelantan dan Terengganu semasa pemerintahan PAS.



Hutang isi rumah harus dikawal dengan baik mengelak bebanan lebih berat.

Hutang isi rumah yang tinggi

Hutang isi rumah rakyat Malaysia pada suku ke-3 2017 direkodkan sebanyak 84.6% daripada KDNK Negara. Ini bermakna bahawa setiap isi rumah akan membelanjakan 84.6% dari pendapatan untuk membayar hutang sahaja.

1. Sebagai sebuah negara yang dijangkakan bakal menuju ke arah negara tua menjelang 2030 dengan penduduk yang berumur 60 tahun dan ke atas melebihi 20%, jumlah hutang isi rumah yang tinggi akan mendorong kepada kurangnya simpanan untuk menampung perbelanjaan selepas bersara.

2. Dikukuhkan lagi dengan data yang dikeluarkan oleh Kumpulan wang Simpanan Pekerja (KWSP) bahawa hanya 18% rakyat Malaysia yang akan mempunyai simpanan

minimum RM228,000 semasa bersara. Jumlah ini bukanlah besar kerana hanya mampu untuk menampung perbelanjaan sebanyak RM930 selama 20 tahun sahaja.

PAS sebagai kerajaan di peringkat negeri telah melaksanakan beberapa polisi dan langkah untuk mengawal kadar hutang isi rumah. PAS semasa memerintah Terengganu telah melaksanakan program pinjaman tanpa faedah (Qard Al-Hassan) untuk pembelian kenderaan dan komputer riba selain perumahan mampu milik untuk golongan yang memerlukan tempat tinggal.

PAS juga mencadangkan skim pemilikan rumah secara berperingkat menggunakan konsep sukuk sebagai kontrak asas bagi menggalakan pemilikan rumah.

Kemampuan kerajaan PAS menanggapi kemiskinan

PAS pernah diberikan peluang untuk memerintah Terengganu (1999-2004) dan Kedah (2008-2013) serta sedang memerintah Kelantan (1990-kini).

Walaupun negeri-negeri ini dilihat tidak maju dibandingkan negeri lain, namun, kemampuan PAS dengan pendapatan negeri yang terhad telah berjaya menurunkan kadar kemiskinan negeri.

Kejayaan PAS mentadbir boleh dilihat dari fakta di bawah:

1. PAS Terengganu menerima kerajaan Terengganu pada tahun 1999 dengan kadar kemiskinan rakyat sebanyak 17.3%. PAS berjaya menurunkan kadar



MB Kelantan Dato' Ahmad Yakob beri sumbangan kepada rakyat.

kemiskinan rakyat Terengganu kepada 10.6% pada tahun 2003.

2. PAS Kedah menerima kerajaan Kedah pada tahun 2008 dengan

kadar kemiskinan rakyat sebanyak 7%. Pentadbiran PAS Kedah berjaya menurunkan kadar miskin kepada 3% pada tahun 2013.

3. PAS Kelantan pula menerima kerajaan Kelantan pada tahun 1990 dengan kadar kemiskinan sebanyak 29%. Pada tahun 2016 Kerajaan PAS berjaya menurunkan kadar kemiskinan kepada 0.4%.

Bahkan KDNK Negeri Kelantan pada tahun 2016 mencatatkan pertumbuhan yang membanggakan sebanyak 4.8% sebaris dengan negeri maju Selangor dan berada pada tangga keempat di belakang negeri maju seperti Pulau Pinang, Johor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Kerajaan Kelantan meringankan bebanan kos sara hidup

MENYALURKAN bantuan bagi meningkatkan pendapatan rakyat.

Sektor pertanian, penternakan dan perikanan yang merupakan sektor kedua terbesar di Kelantan yang memberikan pendapatan kepada rakyat. Oleh itu kerajaan Kelantan telah memperuntukkan sebanyak RM23.179 juta bagi bajet tahun 2018 untuk sektor ini. Peruntukan ini sekali gus akan membantu menambahkan pendapatan rakyat Kelantan.



PAS beri sumbangan kepada siapa sahaja yang memerlukan.

orang

g) Pengecualian cukai pintu bagi cukai dibawah RM50.00

h) Diskaun sebanyak 90% bagi denda dan bayar lewat cukai pintu

2. Bantuan Kebajikan.

Terdapat banyak bantuan Kebajikan diberikan bagi menampung kos sara hidup rakyat terutamanya rakyat miskin, antaranya adalah:

- Skim Takaful Kifalah Warga Emas - RM8 juta
- Skim Al-It'am - RM5 juta
- Pembelaan Rakyat Miskin - RM 4.35 juta
- Bantuan Perkahwinan Rakyat Miskin - RM3 juta
- Bantuan Sara Hidup Penarik Beca - RM1,200 setiap orang
- Bantuan Khas Kewangan Penjawat Awam - RM1,500 setiap

3. Membuka Peluang Kerja.

Kerajaan Kelantan telah membangunkan Pembangunan Komersial di Lembah Sireh, Kota Bharu yang dijangka akan memberikan lebih dari 20,000 peluang pekerjaan kepada rakyat Kelantan. Ini tidak termasuk pembangunan di Lembah Binjai, Pembangunan Bandar-Bandar Baru dalam lain-lain lagi.

4. Menyelesaikan Pemilikan Tanah Rakyat Sebanyak 160,000 ekar telah diluluskan oleh Kerajaan PAS Kelantan untuk diberikan kepada rakyat Kelantan.

diberikan pelbagai diskaun.

Selain itu juga kerajaan PAS telah berjaya meningkatkan pendapatan isi rumah bagi negeri Terengganu, Kedah dan Kelantan sepanjang menjadi pemerintah.

1. Terengganu pendapatan purata bulanan isi rumah kasar pada 1999 adalah sebanyak RM1,600, kemudian meningkat

Kerajaan PAS Terengganu meringankan bebanan rakyat

1. Penyelesai Isu Hak Milik Tanah.

Kerajaan PAS Terengganu telah membantu rakyat Terengganu dengan menyelesaikan pemberian geran dan hak milik tanah kepada rakyat Terengganu. Sebanyak 65,156 permohonan tanah telah diselesaikan.

2. Pembinaan Rumah Mampu Milik.

Kerajaan PAS Terengganu mahu memastikan rakyatnya memiliki rumah kediaman sendiri, maka kerajaan telah mengekalkan harga maksimum bagi rumah mampu milik adalah RM30,000 seunit. Kerajaan Terengganu telah mengadakan kuota pembinaan 30% rumah mampu milik bagi projek penswastan.

Kerajaan telah membina 10 236 buah unit rumah dari pelbagai kategori yang menelan kos keseluruhan sebanyak RM67.57 juta. Bebanan untuk rakyat memiliki rumah kediaman sendiri berjaya diringankan oleh Kerajaan PAS Terengganu.

3. Pemansuhan Tol, Cukai dan Permit.

Kerajaan PAS juga telah mengambil tindakan menghapuskan dan memansuhkan segala cukai atau bayaran yang

membebankan rakyat, antaranya.

a) Menghapuskan Tol Jambatan Sultan Mahmud selepas memerintah Terengganu. Bebanan rakyat diringankan.

b) Mengecualikan Bayaran Cukai Pintu Rumah Kediaman dan melupuskan semua tunggakan cukai yang belum dibayar.

c) Memansuhkan Cukai Bakul dan Lesen Beca Roda Tiga, Bot Nelayan dan Perahu. Cukai ini menyasarkan rakyat yang berpendapatan rendah, PAS mengurangkan bebanan yang ditanggung mereka.

d) Memansuhkan Permit Kelahiran dan Kematian Kerbau-Lembu. Permit ini menyudahkan para penternak, akhirnya penternak dikurangkan bebanan mereka.

4. Bantuan Khas Kerajaan

a) Memperkenalkan pinjaman kenderaan dan komputer tanpa faedah

b) Menaikkan elaun imam dari RM180 kepada RM350

c) Menaikkan kadar bantuan fakir dan miskin dari RM150 kepada RM200 seorang.

d) Tabungan Dana Awam seperti Tabung Darul Iman (TDI) dan Tabung Kebajikan Bukan Islam bagi membantu golongan kurang bernasib baik.

Kerajaan PAS Kedah membangun ekonomi rakyat

1. Menjadikan Kedah sebagai Belanda Timur.

Kerajaan telah berjaya mewujudkan 10 769 peluang pekerjaan dari tahun 2009 sehingga 2011. Antara penyumbangnya adalah projek projek dalam Belanda Timur ini.

Kerajaan PAS Kedah memfokuskan bidang pertanian sebagai bidang utama di Kedah dan menyasarkan Kedah Jelapang Makanan Malaysia. Dasar ini membuka ruang pekerjaan yang banyak kepada rakyat Kedah untuk menambah pendapatan.

Antaranya projeknya adalah:

- Membuka 7000 ekar tanah sawah baru di Yan, Pendang dan Kubang Pasu.
 - Menjadikan Tasik Pedu dan tali air MADA sebagai kolam ternak ikan patin dan ikan air tawar
 - Projek perintis tanaman Strawberi di Gunung Jerai
 - Projek Ternakan Ikan dalam sangkar laut terbuka di Langkawi
 - Ternakan Lembu Fidlot di Pendang
 - Projek Ladang Hutan di Baling
 - Projek tanaman Jagung Manis di Kubang Pasu
 - Projek tanaman nanas di Selatan Kedah
 - Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian di Gurun
- Semua projek ini membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan rakyat di setiap daerah seluruh Kedah.

2. Bantuan Khas Kerajaan.

- Peruntukkan RM13.6 juta kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan bantuan minima RM150.00 sebulan
- Gaji dan elaun guru guru Majlis dinaikkan mengikut gred Skim Saraan Malaysia
- Perkenalkan Program Perumahan Keluarga Miskin dengan kadar sewaan RM124.00
- Mewujudkan Tabung Tunku Mahmud bagi membantu rakyat yang memerlukan dan gaji exco dipotong 5% untuk disalurkan ke Tabung ini
- Seluas 15.09 ekar tanah di Yan diperuntukkan bagi pembinaan penempatan rakyat termiskin
- Peruntukan RM2 juta untuk Dana Teroka bagi usahawan mengembangkan perniagaan mereka
- Skim Takaful Kifalah kepada orang miskin sebanyak RM500.00 untuk setiap kematian

3. Memahami Bebanan Hidup Rakyat.

a) Kakitangan kerajaan diizinkan pertukaran suka sama suka untuk menjimatkan kos petrol yang melambung.

b) Menurunkan cukai tanah sebanyak 25%-75%.

c) Memperkenalkan program Mahligai Sejahtera untuk memudahkan urusan kahwin anak muda.

Kerajaan PAS meningkatkan pendapatan isi rumah

PAS membuktikan kerajaannya berjaya menurunkan kadar kemiskinan di 3 buah negeri sepanjang pemerintahannya.

Di samping itu dasar-dasar kebajikan dan ekonomi yang sangat menitikberatkan rakyat juga telah meringankan bebanan kos sara hidup yang makin meninggi. Pelbagai cukai dihapuskan dan

pada tahun 2004 dengan jumlah RM1,984.

2. Kedah pula menunjukkan purata pendapatan isi rumah pada 2009 adalah sebanyak RM2,667 dan ianya meningkat pada 2014 dengan purata RM4,478.

3. Manakala di Kelantan, purata pendapatan isi rumah kasar pada tahun 1989 adalah RM726.

Kemudian pendapatan isi rumah rakyat Kelantan meningkat kepada RM4,214 pada tahun 2016.

Ini menunjukkan kerajaan PAS dengan dasar Islamnya telah meringankan bebanan rakyat dan mengurangkan kadar kemiskinan bahkan PAS juga berjaya meningkatkan pendapatan isi rumah kasar.

HARGA RUMAH TERLALU MAHAL

Statistik Pembinaan
Rumah Bukan
Dalam Kategori Mampu Milik.

2015 - 10,163 unit
2016 - 14,792 unit
2017 - 20,876 unit

DALAM MASA YANG SAMA, PENINGKATAN HARGA RUMAH
YANG MENDADAK DI MALAYSIA TELAH BERLAKU
SEJAK TAHUN 2012 MELAMPAUI
BATAS DALAM PARAS PENDAPATAN.



CADANGAN PAS



KAEDAH MUSYARAKAH

Perkongsian Pemilikan bersama Kerajaan
dengan Pembayaran Bertanggung

- Menyelesaikan masalah kekurangan wang pendahuluan pembelian rumah
- Bantuan dari kerajaan berdasarkan kemampuan pemohon

PAS telah membuktikan kemampuannya untuk mengurangkan masalah pemilikan rumah dan mengurangkan bebanan rakyat ni negeri yang ditadbir PAS melalui beberapa program pemilikan rumah termasuk di Kelantan dan Terengganu semasa pemerintahan PAS.



KAEDAH SUKUK AL-IJARAH

Perkongsian Pemilikan dengan Individu
atau Organisasi

- Skim pemilikan berperingkat
- Diuruskan oleh kerajaan atau Bank komersial
- Pelabur membeli sukuk dan berkongsi pemilikan bersama pembeli
- Dapat mengatasi masalah spekulasi harga rumah

SOLUSI PAS
DOKUMEN HIJAU



BEBANAN KOS SARA HIDUP



SOLUSI PAS DOKUMEN HIJAU



KURANGKAN KEBERGANTUNGAN KEPADA NEGARA LUAR



BANGUNKAN INDUSTRI MENYEDIAKAN KEPERLUAN ASAS UNTUK RAKYAT



KERAJAAN PAS DI KELANTAN TELAH MEMBANGUNKAN DAN MEMBERI BANTUAN KEPADA RAKYAT DALAM MEMBANGUNKAN SEKTOR PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

GST
MEMBANGUN DAN MAJU BERSAMA
MANSUHKAN DAN GANTIKAN



(I) CUKAI ATAS SIMPANAN KORPORAT, (II) CUKAI PERDAGANGAN KEUNTUNGAN SAHAM; YANG LEBIH SESUAI DAN PRAKTIKAL.



Tinggi peluang pekerjaan, atasi pengangguran.



PAS membawa isu pengangguran.



Ideologi manusia tidak hasilkan solusi.

Pengangguran: Apa kata **pimpinan PAS?**

MENTERI telah menjawab persoalan dari Ahli Parlimen Kuala Nerus, Dato' Dr Khairudin Aman Razali di Dewan Rakyat pada 29 November 2017 dengan menyatakan jumlah pengangguran di Malaysia telah mencecah 504,100 orang penganggur daripada jumlah guna tenaga negara seramai 14.67 juta orang.

Jabatan Imigresen pula telah mengeluarkan statistik pekerja asing yang sah seramai 1,781,598 pada 30 Jun 2017.

Laporan Tahunan 2016 yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia pula telah melaporkan beberapa fakta antaranya pada tahun 2015 pengangguran belia telah mencecah 10.7% iaitu tiga kali lebih tinggi daripada kadar pengangguran negara sebanyak 3.1%.

Tambahan pula, kadar pengangguran dalam kalangan belia yang berpendidikan tinggi adalah lebih tinggi pada 15.3%, berbanding belia yang tidak berpendidikan tertiary iaitu 9.8%.

Dalam penerangan Ahli Parlimen Temerloh, Ustaz Nasrudin Hassan 'trend' peratusan pengangguran semakin meningkat daripada 3.2% pada tahun 2015 kepada 3.5% pada tahun 2017. Menurut Pengarah Eksekutif MEF, Shamsuddin Bardan 50,000 pempuangan pekerja dijangka berlaku pada 2018.

Ironinya, saban tahun terutamanya dalam pembentangan Bajet, kerajaan umumkan cecah



Dr Khairudin Aman Razali

puluh dan ratusan ribu peluang pekerjaan baru diwujudkan, namun jumlah pengangguran masih tidak dapat diatasi malah semakin meningkat jumlahnya.

Perkara ini menjadi kerisauan rakyat dan persepsi ini telah



Ustaz Nasrudin Hassan

dibuktikan oleh beberapa pihak antaranya Agensi Penyelidikan Pasaran Global (IPSOS) pada 2017 telah mendapati seramai 2027 responden, isu pengangguran tersenarai pada kedudukan ke-3 tertinggi dalam 'Apa yang



Aku Siswazah : Mengapa aku masih lagi menganggur ?

Siswazah ramai menganggur.

Merisaukan Malaysia.'

Fakta ini dikuatkan lagi dengan keluarnya hasil kajian dari pihak Astro AWANI, menunjukkan isu pengangguran mendapat undi kedudukan ke-2 tertinggi daripada 3,638 orang responden.

Oleh itu, Dato' Dr Mohd Khairuddin Aman Razali selaku AJK PAS Pusat telah menggesa kepada kerajaan untuk melihat kembali kewajaran lambakan pekerja asing dalam masa yang sama menilai semula sistem pendidikan bagi melahirkan insan berdikari dan berinovasi tinggi yang mampu 'mencipta pekerjaan' selepas alam pengajian.

Tambahan lagi, kerajaan perlu galakkan lagi aktiviti kreatif dan inovasi sebagai sumber pertumbuhan bagi merintis peluang kepada golongan belia untuk mencipta kerjaya dan pendapatan sendiri.

Seterusnya beliau menegaskan agar kerajaan memberdayakan lagi peluang kerjaya di bidang pertanian bersifat lebih komersial dan keusahawanan dengan menyediakan kemudahan dan pasaran yang lebih kondusif.

Beliau menegaskan lagi kerajaan perlu mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk sektor kemahiran tinggi.

Presiden PAS telah menyuarakan isu ini dalam artikel beliau dan kerajaan perlu mengambil suara ini dengan serius antaranya:

a) Kewajipan manusia yang

berbeza ilmu dan kemahiran untuk saling bantu-membantu mengusahakan sumber yang disediakan oleh Allah bagi mencukupkan keperluan semua dan menambah pesat kemajuan.

b) Pengurusan ekonomi dan pentadbiran negara berasaskan keimanan dan ketakwaan sehingga dikurniakan keberkatan yang mendatangkan faedah bagi kehidupan di dunia dan di akhirat.

c) Penghapusan amalan monopoli dan kronisme kerana menjadi akibat ketidakseimbangan agihan ekonomi dalam kalangan rakyat.

‘menggesa kepada kerajaan untuk melihat kembali kewajaran lambakan pekerja asing dalam masa yang sama menilai semula sistem pendidikan bagi melahirkan insan berdikari dan berinovasi tinggi yang mampu ‘mencipta pekerjaan’ selepas alam pengajian.

Pengangguran: Cadangan PAS

Keperluan yang wajib dimajukan

IBNU KHALDUN, Bapa Ilmu Sosiologi merumuskan bahawa sumber kehidupan yang menyumbang rezeki melalui pekerjaannya adalah Ijarah (kepimpinan yang mengurus), Tijarah (perniagaan), Zira'ah (pertanian), Sina'ah (industri) dan tambahannya ialah Khidmah (perkhidmatan). Semuanya menjadi lapangan pekerjaan dan sumber rezeki yang diusahakan.

Katanya juga bahawa sepatutnya semakin ramai penduduk, semakin banyak keperluan dan meningkatnya peluang pekerjaan dengan hasil yang bertambah banyak pula, seterusnya menjadikan negara itu makin kuat dan maju, makin pesat kemajuan ekonominya, bertambah peluang pekerjaan dan meningkatnya pula pendapatan. Pemerintah adalah pengurus dan pengawasnya, semua rakyat adalah jenteranya di tempat masing-masing. Ia sangat berbeza dengan teori ahli falsafah Barat yang mengangap perkembangan ini menjadi ancaman kepada rezeki dan kehidupan manusia.

Persoalan besar bagi sektor pekerjaan di Malaysia adalah sejauh mana segala keperluan rakyat dari sudut survival seperti penyediaan makanan asasi, pakaian, kenderaan dan sebagainya telah dikembangkan sebagai peluang pekerjaan kepada mereka?

Dalam data yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi tahun 2016, jumlah pelajar Kursus Kejuruteraan, Pembuatan dan Pembinaan di Universiti Awam adalah seramai 121,354 orang berbanding pelajar Kursus Pertanian dan Veterinar hanya 12,639 orang.

Angka ini menunjukkan jumlah graduan jurutera jauh meninggalkan graduan pertanian.

Penyelesaiannya penghasilan peluang pekerjaan perlu dibuat berorientasikan kepada keperluan rakyat. Antara langkah awal yang boleh diambil adalah dengan perlaksanaan kajian strategik terhadap keperluan rakyat yang boleh dikembangkan sebagai peluang pekerjaan buat rakyat.

Dari sini pendidikan perlu diarah bagi memenuhi keperluan ini dengan suntikan motivasi bagi mencebur bidang-bidang seperti ini.

Doktrin "mesti aliran sains" mesti dihapuskan, dan penerapan minat pelajar pada "kerja kampung" perlu dipertingkatkan untuk memaju industri asasi.

Selain itu, pemusatan biasiswa dan geran kajian juga boleh difokuskan kepada aspek-aspek keperluan rakyat dalam mengembangkan industri yang tidak akan mati dek keperluan rakyat terhadapnya.

Kestabilan pembahagian kerja

Realiti yang berlaku pada hari ini, banyak syarikat cenderung untuk mengupah buruh asing berbanding buruh tempatan. Kecenderungan ini adalah disebabkan dengan mengupah buruh asing dapat mengurangkan kos operasi mereka dan secara tidak langsung menambah keuntungan.

Dari satu sudut yang lain, ia sebenarnya menambahkan jumlah pengangguran yang akhirnya membawa impak yang negatif kepada ekonomi negara. Dengan memberi peluang kerja lebih kepada rakyat tempatan, pengaliran duit akan lebih banyak di dalam negara berbanding di luar negara, lantas ia membantu pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Apa yang perlu difikirkan adalah satu permuafakatan di antara majikan dan juga pihak kerajaan perlu dicapai bagi menyelesaikan masalah ini. Ini kerana kondisi ekonomi negara dan rakyat juga bakal memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada para majikan.

Antara cadangan yang boleh diutarakan kepada pihak majikan adalah mengurangkan jumlah buruh asing dan melebihi rakyat tempatan dalam pemilihan pekerja.

Pihak majikan disyor menyediakan pelan pembangunan kerjaya termasuk insentif kenaikan gaji tahunan dan elau sara diri, termasuk menyediakan jadual dan suasana kerja lebih kondusif dengan pengurusan lebih baik. Ini bagi memastikan pekerja tempatan seronok untuk menyumbang ke arah kualiti kerja, serta memberikan kesungguhan serta perkhidmatan terbaik dalam tempoh lebih lama.

Gaji dan elau pekerja tempatan juga haruslah lebih tinggi berbeza dari pekerja asing yang telah diberi kemudahan kediaman dan makan minum.

Dalam pada itu, kerajaan sebagai penentu dasar, perlu mengambil langkah-langkah yang efektif dan mendasar dalam isu melibatkan pihak majikan.

Beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan yang sebahagiannya telah dilaksanakan di negara lain adalah :

a. Levi pekerja asing boleh ditingkatkan dengan kadar yang tinggi dan menetapkan had ke atas tenaga pekerja asing oleh industri.

b. Penguatkuasaan perlu diperketatkan dengan menjalankan pemantauan berkala terhadap buruh asing dan mengenakan denda yang tinggi kepada syarikat yang melanggar peraturan.

c. Menetapkan kuota minimum pekerja tempatan dalam syarikat asing yang beroperasi di Malaysia.

d. Menggalakkan dan memberikan insentif kepada pemodal/syarikat untuk mengembangkan industri keperluan asas yang tidak popular.

Membasmi budaya kronisme, monopoli

Kronisme dalam mengurus tadbir sumber negara juga perlu diminimalkan. Kronisme ini pada satu perspektif, dilihat baik kerana seolah memberikan kerja kepada syarikat yang dipercayai, akan tetapi ia sebenarnya memberi kesan negatif yang besar pada negara.

Ia mampu menghalang syarikat lain yang mempunyai kredibiliti yang lebih baik untuk memperolehi keuntungan.

Lebih memburukkan keadaan, ia boleh menyebabkan berlakunya monopoli apabila satu syarikat memiliki hampir semua projek

kerajaan.

Akhirnya mengakibatkan syarikat-syarikat lain tidak dapat bersaing dan terpaksa gulung tikar. Dalam masa yang sama, meminimalkan persaingan dan pilihan yang lebih baik.

Sebab itu, perkara ini dilarang keras di dalam Islam. Firman Allah SWT: "Apa yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulallah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulallah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya maka patuhilah larangan-Nya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintah-Nya)." [Surah Al-Hashr, Ayat 7]

Islam mencipta tamadun sejagat dinamakan Hadharah Islamiyyah dan memerintah Timur dan Barat di zaman keemasan Islam yang diamalkan secara menyeluruh, sehingga diterima oleh masyarakat majmuk berbagai agama, bangsa dan budaya serta mampu menyara rakyat semuanya.

Pembangunan belia

Aktiviti perniagaan dalam kalangan belia perlu digalakkan dengan memberi pengecualian cukai berkaitan antara 1 hingga 3 tahun, terutama belia berumur 30 tahun ke bawah yang menjalankan perniagaan sendiri termasuk perniagaan dalam talian.

Begitu juga dibidang pertanian dengan memberi galakan menerusi pembangunan tanah-tanah terbiar milik kerajaan atau GLC, termasuk tanah persendirian untuk diusahakan menerusi bantuan dana atau keperluan bagi memulakan aktiviti tersebut.

Kerajaan disaran tidak terus mempromosikan Pertanian Bandar kepada sasaran-sasaran yang tidak berminat menjalankannya di kediaman flat mereka kerana dilihat membazir.

Lebih efektif dana tersebut diperuntukkan secara berfokus dalam membantu belia menganggur meneroka "indoor farming" atau "rooftop farming" terutama di kawasan yang tiada tanah seperti Lembah Klang.

Juga mengadakan projek perladangan haiwan ternak dengan model seperti inisiatif tanah rancangan Felda untuk disertai tenaga kerja tempatan.

Kerajaan juga digesa membantu secara khusus golongan gelandangan untuk memiliki sara hidup dengan tawaran pekerjaan yang bersesuaian antaranya menempatkan mereka di

satu kelompok aktiviti ekonomi sama ada pertanian atau industri.

Selain itu, mentaliti kalangan belia yang suka memilih pekerjaan diubah dengan meningkatkan kempen serta promosi peluang pekerjaan menerusi kolaborasi bersama pihak syarikat-syarikat memerlukan pekerja dalam negara ini.

Kembali kepada konsep ekonomi Islam

Allah berfirman: "(Mengapa pemberian Kami itu mereka ingkarkan?) Adakah mereka berkuasa membahagi-bahagikan Rahmat Tuhanmu (wahai Muhammad, seolah-olah Kami hanya berkuasa dalam perkara kebendaan dan keduniaan sahaja? Mereka tidak ingkarkan: Kami membahagi-bahagikan antara mereka segala keperluan hidup mereka dalam kehidupan dunia ini, (setengahnya Kami jadikan kaya raya dan setengahnya miskin menderita) dan juga Kami telah menjadikan darjat setengah mereka tertinggi dari darjat setengahnya yang lain; (semuanya itu) supaya sebahagian daripada mereka senang

menyemarakkan Islamofobia.

Sejarah Islam memulakan agenda pembangunan manusia daripada Makkah yang kering kontang dan berhijrah ke Yathrib yang ditukar kepada nama Madinah yang disinonimkan dengan Islam sebagai Al-Din dan berjaya menangani Masyarakat Madani berbagai kaum dan agama, berbeza kemampuan, pendapatan dan pekerjaan.

Modelnya bermula daripada bumi padang pasir yang tiada hasil dengan membangunkan jati diri manusia yang sempurna dengan jasad, roh dan akal beracuankan ilmu wahyu yang memberi hidayah kepada ilmu akal dan pengalaman. Akhirnya berjaya membetulkan tamadun kebendaan Rom, Parsi, Greece, Mesir, China dan India, bukan menghapuskan semuanya.

Islam mencipta tamadun sejagat dinamakan Hadharah Islamiyyah dan memerintah Timur dan Barat di zaman keemasan Islam yang diamalkan secara menyeluruh, sehingga diterima oleh masyarakat majmuk berbagai agama, bangsa dan budaya serta mampu menyara rakyat semuanya.

Hari ini kita menyaksikan anak muda yang berpendidikan tinggi, termasuk yang tidak tinggi pelajarannya tetapi tetap bertenaga muda susah mendapat peluang pekerjaan. Termasuk juga ada yang menganggur atau pendapatan yang tidak mampu menyara hidup di bumi yang banyak hasilnya dan ramai tenaga kerjanya, tetapi masih ramai yang menganggur dan yang telah bekerja pula ramai yang dibuang kerja atau dipotong pendapatannya.

Mengapa kehidupan mereka terhimpit?

Masalah ini menunjukkan ada perkara yang salah dengan pendekatan yang tidak betul atau dasar yang tersesat jalan. Sepatutnya pemandu yang mengambil alih silih berganti jangan meneruskan kesilapan pemandu terdahulu dan jangan meninggalkan yang betul, cuma membetulkan kesilapan, bertaubat kalau berdosa, bukan sekadar meminta maaf tanpa mengaku kesalahan dan kelemahan makhluk.

Lakukan muhasabah secara menyeluruh

Percaya bahawa Islam daripada Allah adalah penyelesaiannya berkonsepkan sempurna dan holistik. Bukannya mengumpulkan kekayaan yang berpusing di sekitar keluarga dan kroni sahaja dengan tuduhan orang lain semuanya bodoh, dibiarkan sekadar negara maju walaupun rakyatnya miskin dan menganggur.

Firman Allah: "Katakanlah (wahai Muhammad s.a.w.): "Inilah jalanku dan orang-orang yang mengikut ajaranku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah (Islam) dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktidat dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain." (Surah Yusuf: 108)



PAS membawa gagasan untuk kesejahteraan rakyat, tangani kos hidup, mengiktiraf peranan profesional.

Kerajaan Teknokrat

Bersediakah Malaysia?



Harakah

PERKENAL KERAJAAN TEKNOKRAT



Bantuan kepada mereka yang ditimpa musibah.



Bantuan kepada mereka yang ditimpa musibah.



Memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Kerajaan Teknokrat menangani kos sara hidup

BAGI PAS yang menggunakan prinsip kerajaan teknokrat dalam menguruskan pentadbiran negara, beberapa perkara perlu dijadikan prinsip dalam menguruskan soal kos sara hidup. Perkara yang berkaitan dengan politik haruslah tidak menjadi agenda dalam perancangan kerajaan mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Penggunaan wang kerajaan mestilah dimanfaatkan dan disalurkan sebaiknya kepada rakyat. Tanpa meletakkan kepentingan politik dalam memberikan bantuan kepada rakyat, kerajaan teknokrat fokus memberikan bantuan kepada secara efektif berpaksikan kepada kepentingan ekonomi negara.

Secara umumnya, kos sara hidup rakyat di negara maju adalah tinggi berikutan pembangunan yang sangat pesat. Namun, kos sara hidup tersebut diseimbangkan dengan pelan kerajaan kepada rakyat.

1) memberikan subsidi benar-benar mengikut keperluan rakyat. Barang-barang keperluan harian seperti gula, minyak dan nasi yang sangat diperlukan rakyat diberikan subsidi yang sesuai dan menjadikan

kos sara hidup rendah. Kerajaan juga perlu bijak dalam mengawal harga barang tersebut dengan menjadikan produktiviti pengeluaran bahan-bahan keperluan tersebut lebih banyak.

2) Cukai-cukai yang dikenakan, disesuaikan untuk manfaat rakyat, walaupun mengenakan cukai yang tinggi tetapi kos-kos sara hidup seperti tol jalanraya, yuran sekolah dan pengangkutan diselaraskan dan dimurahkan atau dimansuhkan.

3) Mengekalkan kompetensi produk-produk keluaran rakyat. Memperluaskan eksport-eksport keluar negara dan membolehkan peniaga-peniaga kecil bertahan dalam bidang perniagaan. Kerajaan membantu memberikan inisiatif dalam pelbagai bentuk demi memastikan rakyat tidak bergantung kepada subsidi dan bahan-bahan import yang semestinya lebih mahal.

4) Mengelakkan dari berlakunya pihak ketiga dalam perniagaan yang hanya mengaut untung melalui atas angin. Jika sesebuah kerajaan berpaksikan kepada pengurusan secara kerajaan teknokrat, pihak ketiga yang mengaut untung atas angin demi kepentingan sendiri perlu dihapuskan.

<p>1</p> <p>Mengembalikan Tanah-tanah yang dirampas BN selepas pemerintahan PAS Tahun 2004 & membuka permohonan tanah baru dengan terus beri GERAN KEKAL</p>	<p>4</p> <p>Pemberian RM 300 untuk PEMUDA / PEMUDI Mendapatkan Lesen Motosikal</p>	<p>7</p> <p>Mewujudkan semula Institut Pengajian Tinggi Islam Milk Negen menggantikan KUSZA</p>
<p>2</p> <p>Setiap RAKYAT TERENGGANU Berumur 21 Tahun ke atas yang layak berhak mendapatkan 1 Lot Tapak Rumah Kediaman atau 1 Unit Rumah Kediaman</p>	<p>5</p> <p>Karnival Kahwin KALI PERTAMA PERCUMA di Setiap DUN</p>	<p>8</p> <p>Memberi bekalan Air Percuma 20 meterpadu kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah</p>
<p>3</p> <p>Peruntukan Caj Wad Kelas 3 PERCUMA Di Semua Hospital Kerajaan</p>	<p>6</p> <p>Menyediakan 20,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 4 tahun</p>	<p>9</p> <p>Menyediakan Tabung Pinjaman Usahawan RM10 juta setahun</p>

Tawaran PAS Terengganu.